

**PENGETAHUAN HEADCOUNT GURU DAN
STRATEGI PENINGKATAN PRESTASI
AKADEMIK PELAJAR DI SEKOLAH
MENENGAH : SATU KAJIAN KES**

ANNA @ ANNE BINTI JOSEPH



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DESERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)_____
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


ANNA @ ANNA BINTI JOSEPH
PS05 - 006(K) - 032
20 APRIL 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGESAHAN

Disertasi bertajuk **"Pengetahuan Headcount Guru Dan Strategi Peningkatan Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes"** telah disediakan oleh Pn. Anna @ Anne Binti Joseph bagi memenuhi syarat kelulusan Ijazah Sarjana Pendidikan, di Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,

.....
(DR. SALLEH B. ABDUL RASHID)

Penyelia Disertasi,
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia Sabah,
KOTA KINABALU.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan desertasi ini. Banyak kekangan dan cabaran yang dihadapi dalam proses membuat dan menyiapkan desertasi ini, tetapi berkat hidayah dan petunjuk-Nya, akhirnya desertasi ini dapat direalisasikan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Salleh bin Abdul Rashid yang telah berusaha memberi bimbingan, tunjuk ajar dan teguran yang membina sebagai penyelia tunggal kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada Naib Canselor UMS, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, dan Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS kerana sumbangan bakti mereka telah menjadikan program Sarjana ini menjadi kenyataan.

Ucapan penghargaan dan rasa terima kasih yang tidak terhingga turut dicurahkan kepada para pensyarah, rakan seperjuangan dan kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sains Sosial UMS yang terlibat dalam perkongsian intelek, tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sepanjang saya mengikuti program ini.

Seterusnya, terima kasih turut dirakamkan kepada warga SMK. Benoni, Papar yang secara langsung terlibat dalam menjayakan kajian ini. Juga terima kasih khusus kepada Pn. Jainah Basir, Pengetua sekolah yang memahami dan menyokong perjuangan saya.

Akhir sekali, terima kasih abadi buat suami tercinta, Peter Alixius, dan anak-anak (Amanda Faye, Chyril Garry, Daryl Dereck, Eric Noelixus dan Flinx Alvin) yang sentiasa sabar, memahami, menyokong dan menjadi tiang motivasi saya sepanjang saya mengikuti program ini. Semoga kejayaan manis ini dapat dikongsi bersama sepanjang hayat.

ABSTRAK

kajian ini bertujuan untuk mengesan sama ada terdapat ataupun tidak terdapat hubungan antara pengetahuan Headcount guru-guru dengan strategi peningkatan prestasi akademik pelajar PMR di sekolah kajian. Fokus utama kajian ini adalah untuk (1) mengesan perbezaan tentang pengetahuan konsep Headcount berdasarkan kategori guru; (2) mengesan perbezaan tentang keperluan Headcount berdasarkan kategori guru; (3) mengesan perbezaan tentang pelaksanaan Headcount berdasarkan kategori guru; (4) mengesan perbezaan pengetahuan guru berdasarkan tempoh masa bertugas; (5) mengesan perbezaan pelaksanaan Headcount berdasarkan tempoh masa bertugas; (6) hubungan antara pengetahuan guru-guru tentang Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan; (7) hubungan antara keperluan Headcount dengan strategi peningkatan akademik di sekolah; dan (8) hubungan antara pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan. Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kuantitatif dan kaedah yang digunakan adalah kajian kes di sebuah sekolah menengah di daerah Papar. Sampel kajian terdiri daripada 65 orang guru. Kajian ini menggunakan soal selidik yang merangkumi aspek latar belakang akademik responden, pengetahuan tentang konsep Headcount, keperluan Headcount, pelaksanaan Headcount, dan strategi peningkatan akademik yang diamalkan. Analisis data kajian ini menggunakan statistik kekerapan dan peratusan, serta Analisis ANOVA satu hala, Ujian Perbezaan Berganda Kaedah Tukey dan Korelasi Pearson. Keputusan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pengetahuan konsep Headcount dalam kalangan guru; terdapat hubungan signifikan antara tempoh masa bertugas guru dengan pengetahuan Headcount; dan terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan Headcount, keperluan Headcount dan pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan akademik pelajar. Kajian ini mengesyorkan supaya kajian lanjutan berkaitan dengan Headcount memberi penumpuan kepada keberkesanan Headcount sebagai suatu alat dalam strategi peningkatan prestasi akademik.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' KNOWLEDGE ON HEADCOUNT WITH THE STRATEGY TO INCREASE STUDENTS' ACADEMIC PERFORMANCE: A CASE STUDY

The purpose of this study is to find the relationship between teachers' knowledge on Headcount with the strategy to increase students' academics performance in the target school. The main focuses of this study is to; (1) identify the difference in knowledge on the Headcount concepts based on the teachers' category; (2) identify the difference on the needs of Headcount based on the teachers' category; (3) identify the difference on the implementation of the Headcount based on the teachers' category; (4) identify the difference on teachers' knowledge on Headcount concept based on their teaching duration; (5) identify the difference on implementation of Headcount based on teachers' teaching duration; (6) to determine the relationship between the teachers' knowledge on Headcount with the practiced strategy to increase the academic performance; (7) to determine the relationship between the needs of Headcount with the strategy to increase the academic performance; (8) to determine the relationship between the implementation of Headcount with the strategy to increase academic achievement. This study uses qualitative descriptive approach through case study method and is conducted in one of the high schools in Papar District. The sample of this study consists of 65 teachers. This study uses questionnaires comprising the respondents' academic background, the knowledge on the Headcount concept, the needs of the Headcount, the implementation of the Headcount and the practiced strategy to increase academics achievement. The study data analysis uses the frequency statistic and percentage, the One Way ANOVA Analysis, the Tukey's Method of multiple differences test, and Pearson's Correlation test. The result shows that there are differences in the knowledge on the Headcount concept among teachers; duration of teaching and the knowledge on Headcount; and a significant relationship between the knowledge, the needs and the implementation of Headcount with the strategy in increasing students' academic performance. This study suggests that further study relating with the Headcount should focus on the effectiveness of the Headcount as a tool in the strategy to increase students' academic achievement.

KATA KUNCI

Pengetahuan Headcount, Keperluan Headcount, Pelaksanaan Headcount, Hubungan dengan strategi peningkatan akademik pelajar.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

HALAMAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KATA KUNCI	vii
ISI KANDUNGAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI CARTA	xvi
SENARAI SINGKATAN	

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	1
1.2. Pernyataan Masalah	4
1.3. Soalan Kajian	6
1.4. Tujuan Kajian	7
1.5. Objektif Kajian	7
1.6. Hipotesis Penyelidikan	8
1.7. Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8. Definisi Operasional	12
1.9. Signifikan Kajian	13
1.10. Batasan Kajian	13
1.11. Kesimpulan	14

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1. Pengenalan	16
2.2. Definisi Konsep	20
2.2.1 Headcount	20
2.2.2 Strategi Peningkatan Prestasi Akademik	20
2.3 Model Dan Pengurusan Headcount	21
2.3.1 Takrifan Headcount	23
2.3.2 Konsep Asas Dalam Headcount	24
2.3.3 Rasional Dan Keperluan Headcount	26

2.3.4	Post-Mortem	27
2.4.	Kajian Lepas	29
2.5.	Kerangka Teoritikal Kajian	33
2.6.	Kesimpulan	35

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1.	Reka Bentuk Kajian	36
3.2.	Lokasi Kajian	36
3.3.	Populasi Kajian	37
3.4.	Responden Dan Pensampelan Kajian	37
3.5.	Instrumen Kajian	38
3.6.	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	39
3.7.	Prosedur Kajian	40
3.8.	Analisis Data	41
3.9.	Kesimpulan	43

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1.	Pendahuluan	45
4.2.	Ciri-ciri Responden	45
4.3.	Pengujian Hipotesis	47
4.3.1.	Perbezaan Tentang Pengetahuan Headcount Berdasarkan Kategori Guru	49
4.3.2.	Perbezaan Tentang Keperluan Headcount Berdasarkan Kategori Guru	50
4.3.3.	Perbezaan Pelaksanaan Headcount Berdasarkan Kategori Guru	51
4.3.4.	Perbezaan Pengetahuan Tentang Konsep Headcount Berdasarkan Tempoh Masa Bertugas Guru-guru	53
4.3.5.	Perbezaan Pelaksanaan Headcount Berdasarkan Tempoh Masa Bertugas Guru-guru	54
4.3.6.	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Tentang Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	55
4.3.7.	Hubungan Antara Keperluan Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	56
4.3.8.	Hubungan Antara Pelaksanaan Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	57
4.4.	Kesimpulan	58

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1.	Pengenalan	60
5.2.	Rumusan Dapatan Kajian	61
5.3.	Perbincangan Dapatan Kajian	62
5.3.1	Latar Belakang Akademik Responden	62
5.3.2	Pengujian Hipotesis	64
a)	Tentang Pengetahuan Konsep Headcount Berdasarkan Kategori Guru	64

b)	Keperluan Headcount Berdasarkan Kategori Guru	64
c)	Pelaksanaan Headcount Berdasarkan Kategori Guru	65
d)	Pengetahuan Tentang Konsep Headcount Berdasarkan Tempoh Masa Bertugas Guru-guru	66
e)	Pelaksanaan Headcount Berdasarkan Tempoh Masa Bertugas Guru-guru	66
f)	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Tentang Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	67
g)	Hubungan Antara Pengetahuan Guru Tentang Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	68
h)	Hubungan Antara Pelaksanaan Headcount Dengan Strategi Peningkatan Akademik Yang Diamalkan	69
5.4.	Implikasi Hasil Kajian	70
5.5.	Cadangan	72
5.6.	Kesimpulan	74

BIBLIOGRAFI	75
-------------	----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

1. LAMPIRAN A : BORANG SOAL SELIDIK
2. LAMPIRAN B : PEKALI KEBOLEHPERCAYAAN ALPHA CRONBACH
3. LAMPIRAN C : BORANG HEADCOUNT (HC1 PMR)
4. LAMPIRAN D : BORANG HEADCOUNT (HC2 PMR)
5. LAMPIRAN E : BORANG HEADCOUNT (HC3 PMR)
6. LAMPIRAN F : BORANG HEADCOUNT (HC4 PMR)
7. LAMPIRAN G : BORANG HEADCOUNT (HC5 PMR)
8. LAMPIRAN H : BORANG HEADCOUNT (HC6 PMR)
9. LAMPIRAN I : BORANG POST-MORTEM (PM1 PMR)
10. LAMPIRAN J : BORANG POST-MORTEM (PM2 PMR)
11. LAMPIRAN K : BORANG POST-MORTEM (PM3 PMR)
12. LAMPIRAN L : BORANG POST-MORTEM (PM4 PMR)
13. LAMPIRAN M : CARTA GANTT: TENTATIF PELAKSANAAN KAJIAN
14. LAMPIRAN N : PERMOHONAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN DI SEKOLAH

SENARAI JADUAL

JADUAL 2.1	:	PENENTUAN TOV PELAJAR	24
JADUAL 2.2	:	CARA PENGIRAAN OTI	25
JADUAL 2.3	:	LANGKAH POST-MORTEM DALAM PENGURUSAN HEADCOUNT	28
JADUAL 3.1	:	POPULASI DAN PENSAMPELAN KAJIAN	38
JADUAL 3.2	:	CARA PEMARKATAN BAGI SOAL SELIDIK BAHAGIAN B Dan BAHAGIAN C	39
JADUAL 3.3	:	TABURAN ITEM SOAL SELIDIK	39
JADUAL 3.4	:	KEBOLEHPERCAYAAN ITEM	40
JADUAL 3.5	:	INDEKS NILAI KORELASI DAVIS (1971)	41
JADUAL 3.6	:	PEMILIHAN ALAT STATISTIK BAGI PENGUJIAN HIPOTESIS	43
JADUAL 4.1	:	TABURAN RESPONDEN BERDASARKAN KELULUSAN AKADEMIK	46
JADUAL 4.2	:	TABURAN RESPONDENBERDASARKAN TEMPOH MASA MENGAJAR	46
JADUAL 4.3	:	TABURAN RESPONDEM BERDASARKAN PENGALAMAN MENGAJAR MATA PELAJARAN PMR	47
JADUAL 4.4	:	TABURAN RESDPONDEN BERDASARKAN JAWATAN	47
JADUAL 4.5	:	PEMILIHAN ALAT STATISTIK BAGI PENGUJIAN HIPOTESIS	48
JADUAL 4.6	:	INDEKS NILAI KORELASI DAVIS (1971)	48
JADUAL 4.7	:	KEPUTUSAN ANALISIS VARIAN SEHALA PERBEZAAN TENTANG PENGETAHUAN KONSEP HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	49
JADUAL 4.8	:	PERBEZAAN BERGANDA TENTANG PENGETAHUAN KONSEP HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	50
JADUAL 4.9	:	KEPUTUSAN ANALISIS VARIAN SEHALA PERBEZAAN TENTANG KEPERLUAN HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	51
JADUAL 4.10	:	PERBEZAAN BERGANDA TENTANG KEPERLUAN HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	51
JADUAL 4.11	:	KEPUTUSAN ANALISIS VARIAN SEHALA PERBEZAAN TENTANG PELAKSANAAN HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	52
JADUAL 4.12	:	PERBEZAAN BERGANDA TENTANG PELAKSANAAN HEADCOUNT BERDASARKAN KATEGORI GURU	53
JADUAL 4.13	:	KEPUTUSAN ANALISIS VARIAN SEHALA PERBEZAAN TENTANG PENGETAHUAN HEADCOUNT BERDASARKAN TEMPOH MASA MENGAJAR	54

JADUAL 4.14 :	KEPUTUSAN ANALISIS VARIAN SEHALA PERBEZAAN TENTANG PELAKSANAAN HEADCOUNT BERDASARKAN TEMPOH MASA MENGAJAR	55
JADUAL 4.15 :	HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN HEADCOUNT DENGAN STRATEGI PENINGKATAN AKADEMIK	56
JADUAL 4.16 :	HUBUNGAN ANTARA KEPERLUAN HEADCOUNT DENGAN STRATEGI PENINGKATAN AKADEMIK	57
JADUAL 4.17 :	HUBUNGAN ANTARA PELAKSANAAN HEADCOUNT DENGAN STRATEGI PENINGKATAN AKADEMIK	58
JADUAL 4.18 :	KEPUTUSAN PENGUJIAN HIPOTESIS KAJIAN	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

RAJAH 1.1	:	KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN	11
RAJAH 2.1	:	PELAN TINDAKAN PERANCANGAN STRATEGIK PENINGKATAN AKADEMIK	23
RAJAH 2.2	:	MODEL 'REFLECTIVE PRACTITIONER' (WALLACE, 1991)	33
RAJAH 2.3	:	KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN	34



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

AR	Actual Result
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BS	Bahagian Sekolah-sekolah
ETR	Expected Targeted Result
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
OTI	Operational Targeted Result
PMR	Penilaian Menengah Rendah
P&P	Proses Pengajaran dan Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPPS	Modul Sistem Pengurusan Pentaksiran dan Peperiksaan Sekolah
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TOV	Take-off Value



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kebanyakan sekolah melakar misi untuk melahirkan para pelajar yang berketrampilan, bersahsiah tinggi dan mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang akademik. Walau pun mempunyai prasarana yang mencukupi, sumber rujukan yang memadai dan tenaga pengajar akademik yang berkelayakan, tetapi pencapaian para pelajar, khususnya dari segi kualiti, masih belum dapat dibanggakan.

Pendidikan merupakan satu proses yang berterusan dan bukan setakat lulus dalam peperiksaan tertentu atau memperoleh sijil-sijil yang berkaitan. Matlamat pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, adalah melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini jelas menunjukkan bahawa matlamat pendidikan pada akhirnya akan dapat membantu seseorang pelajar menjadi 'insan sempurna' yang mampu menghadapi cabaran hidup pada masa hadapan yang semakin kompleks dan mencabar.

Tan Teik Seong dan Sabeha Abu Bakar (1998) menegaskan bahawa kewujudan sesuatu masyarakat adalah menerusi pengajaran dan pembelajaran serta transmisi melalui komunikasi. Bagi mencapai objektif pengajaran atau meningkatkan keberkesanan pengajaran, para pendidik haruslah '*teach smart*' dan '*work smart*'. Walau pun terdapat 24 model pengajaran (Jocye dan Weil (1996) dalam Tan Teik Seong dan Sabeha Abu Bakar (1998), tetapi tidak ada satu model yang boleh dianggap sebagai model yang terunggul dan paling berkesan. Jocye dan Weil (1996) menegaskan bahawa pendidikan yang paling efektif

memerlukan gabungan model-model pengajaran berkenaan, kerana sesuatu model pengajaran yang terlalu kerap digunakan akan menjadi kebiasaan kepada para pelajar dan mengakibatkan keberkesanan model tersebut menurun.

Bagi mendapatkan maklum balas daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah, pentaksiran dan penilaian yang sistematik perlu dirancang dan dilaksanakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Modul Sistem Pengurusan Pentaksiran dan Peperiksaan Sekolah (SPPPS) yang telah dibina. Dapatan analisis pentaksiran dan penilaian berkenaan memberi peluang kepada guru untuk menilai kembali kualiti pengajaran dan pembelajaran yang telah berlaku dan membuat pengubahsuaian yang perlu.

Thorndike dan Hagen (1977) dalam BPPDP (2005) menyatakan bahawa pada tahun 1970-an, ujian berbentuk tradisional menggunakan pencil dan kertas secara meluas untuk memenuhi tiga fungsi berikut;

- i) fungsi pentadbiran: bertujuan menyediakan skor untuk membuat perbandingan antara individu berasaskan rujukan norma supaya beberapa keputusan dalam pendidikan dapat dibuat;
- ii) fungsi bimbingan: bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid supaya mereka dapat dibimbing untuk membuat keputusan yang wajar berkaitan dengan jenis pendidikan atau pekerjaan yang akan mereka cemburi di masa hadapan; dan
- iii) fungsi tanggungjawab: bertujuan menggunakan skor murid dari ujian-ujian ini untuk menentukan keberkesanan guru, sekolah dan sistem pendidikan secara keseluruhan.

Umumnya, pelajar berada pada tahap perkembangan dan kebolehan yang berbeza-beza (*multiple intelligence*) walau pun pelajar berada pada paras umur yang sama.

Ini membawa implikasi bahawa proses mengukur individu yang sedemikian hanya boleh memberikan gambaran terhadap kepada pendidikan yang sebenarnya (Worthen dan Spandel (1991) dalam BPPDP (2005).

Adalah penting bagi seseorang guru mewujudkan kecerdasan bagi setiap pelajar kerana mengetahui bagaimana setiap pelajar belajar membolehkan guru mentaksir kemajuan pelajar dengan tepat. Lazear (1992) bersetuju bahawa pelajar tidak belajar dengan cara yang sama, walaupun Rogers dan Freiberg (1994) dalam Tan Teik Seong dan Sabeha Abu Bakar (1998) mengakui bahawa para pelajar lebih suka pengajaran yang tidak terlalu formal.

Pada masa yang sama, institusi sekolah sering kali dituntut untuk membantu pelajar membangunkan keyakinan diri dan kesempurnaan diri. Teori kepelbagaian kecerdasan (Multiple Intellegences) Gardner menyediakan asas teori untuk mengenal pasti perbezaan kebolehan dan bakat seseorang pelajar. Teori ini menyatakan bahawa tidak semua pelajar berbakat dalam bahasa, sains dan matematik, tetapi kanak-kanak mempunyai kepakaran dalam bidang musik, hubungan ruang, atau pengetahuan interpersonal. Dalam konteks ini, menilai pembelajaran dan menganalisis dapatan post-mortem penilaian dan peperiksaan memberi ruang yang luas kepada guru untuk membangun kebolehan serta kemampuan pelajar secara menyeluruh dengan optima.

Selain itu, sekolah-sekolah yang menduduki tempat tercorot dalam hierarki keputusan peperiksaan kebangsaan di peringkat negeri, sering dituntut dan didesak untuk meningkatkan keputusan peperiksaan. Ini menyebabkan sekolah dilihat sebagai 'kilang' yang menyebabkan sekolah memberi tumpuan kepada hasil (*output*) berbanding 'input' (Brandt, 1989 dalam BPPDP, 2005). Fenomena ini menimbulkan dua kesan ketara dalam sistem pendidikan, iaitu;

- i) kurikulum yang berpandukan ujian (*test-driven curriculum*), yakni kehendak ujian akan menentukan jenis kurikulum yang perlu dilaksanakan; dan
- ii) mengajar murid mengikut kehendak ujian (*teaching to test*) tidak dapat dielakkan, yakni guru perlu menumpukan lebih perhatian kepada kandungan ujian berbanding menerapkan konsep dan kemahiran yang perlu dikuasai (Livingstone et al. 1989, Shepard dalam BPPDP, 2005).

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, pernyataan hipotesis, kepentingan kajian dan definisi operasional. Tajuk-tajuk ini akan dibincangkan bagi menggambarkan keseluruhan masalah yang dikaji.

1.2 Pernyataan Masalah

Bhaerman (1977), Wise (1978) dan Shullman (1978) dalam Ismail Alias (1993) telah menulis bahawa ramai guru kurang memahami dan kurang menyedari peranan pentaksiran dalam sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Ramai guru beranggapan bahawa penilaian dan pengujian adalah suatu proses yang berasingan dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Rudman (1987) menyokong kenyataan ini dengan menyatakan bahawa masalah wujud disebabkan oleh faktor guru mengasingkan pentaksiran dari pengajaran. Hasil sesuatu bentuk penilaian, sama ada sumatif atau formatif, merupakan skor mentah yang dapat merefleksi tahap pemahaman pelajar akan sesuatu topik, menggambarkan kadar pembacaan dan secara tidak langsung boleh membayangkan tahap kognitif pelajar. Guru yang bijak dan komited dapat menggunakan maklumat ini untuk membantu individu pelajar mencipta rekod kecemerlangan diri, atau sekurang-kurangnya membuat anjakan daripada 'gagal' kepada 'lulus'.

Pentaksiran memberikan guru maklum balas tentang kecekapan mereka mengajar dan pengetahuan mengenai keputusannya merupakan nadi pembelajaran (Rowntree, 1987). Maklum balas yang berkesan membolehkan pelajar mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya, mengubah suai kefahaman dan pendekatan semasa pembelajarannya, serta menunjukkan kepadanya bagaimana untuk memperbaiki bahagian yang ia lemah dan memperkukuh bahagian yang dikuasai dengan baik.

Maklum balas datang daripada guru, tetapi pelajar juga digalakkan membuat penilaian sendiri. Dua kajian eksperimental yang dilakukan oleh Fontana dan Fernandes (1994) dan oleh Frederikson dan White (1997), menunjukkan bahawa pelajar yang memahami objektif pengajaran dan kriteria pentaksiran menunjukkan peningkatan akademik yang sangat besar, berbanding dengan pelajar yang tidak faham.

Umumnya, penilaian bertujuan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar pada akhir sesuatu pelajaran. Penilaian-penilaian yang dilakukan (OTI1, OTI2, OTI3, dan seterusnya dalam sesuatu tahun semasa) sepatutnya memperlihatkan gambaran keupayaan sesebuah sekolah mencapai ETR yang telah disasarkan pada awal tahun persekolahan. Gambaran situasi perbezaan antara setiap pemeringkatan penilaian ini dengan ETR, akan menolong guru-guru mengenal pasti strategi dan program yang bersesuaian untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar.

Sistem penilaian yang terlalu mementingkan peperiksaan mempengaruhi amalan penilaian yang dilakukan oleh kebanyakan guru di sekolah. Salahuddin Haji Ayub (2006) menyatakan bahawa orientasi peperiksaan yang dijalankan sebagai pengukur kepada pencapaian pelajar telah menyebabkan guru-guru di sekolah menumpukan kepada hal-hal yang berkaitan dengan peperiksaan semata-mata, dan tidak mengambil berat keupayaan

sebenarnya pelajar, serta kepelbagaian intelek pelajar. Ini, menurut beliau, akan melahirkan pelajar yang bijak dalam peperiksaan, tetapi tidak ada kematangan emosi dan intelek. Beliau mendakwa ramai graduan universiti tidak berkualiti kerana lulus dalam sistem yang tidak melahirkan kecekapan mental, intelek dan emosi.

Ekoran daripada kritikan dan pendapat pelbagai pihak, Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Bahagian Sekolah-Sekolah dan dengan kerjasama semua Jabatan Pelajaran Negeri, telah mengarahkan penambahbaikan kualiti penilaian di sekolah. Headcount yang mengambil kira aspek-aspek intelek dan emosi pelajar, telah diperkenalkan sebagai suatu strategi dalam meningkatkan pencapaian akademik individu pelajar, seterusnya terhadap peningkatan prestasi akademik keseluruhan sesebuah sekolah.

1.3 Soalan Kajian

Kajian hubungan antara pengetahuan Headcount dengan peningkatan prestasi dalam kalangan pelajar ini akan cuba mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan berikut;

- 1.3.1 Adakah terdapat perbezaan tentang pengetahuan konsep Headcount berdasarkan kategori guru?
- 1.3.2 Adakah terdapat perbezaan tentang keperluan Headcount berdasarkan kategori guru?
- 1.3.3 Adakah terdapat perbezaan tentang pelaksanaan Headcount berdasarkan kategori guru?
- 1.3.4 Adakah terdapat perbezaan pengetahuan tentang konsep Headcount berdasarkan tempoh masa bertugas guru-guru?
- 1.3.5 Adakah terdapat perbezaan pelaksanaan Headcount berdasarkan tempoh masa bertugas guru-guru?

- 1.3.6 Adakah hubungan antara pengetahuan guru-guru tentang Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan?
- 1.3.7 Adakah hubungan antara keperluan Headcount dengan strategi peningkatan akademik di sekolah?
- 1.3.8 Adakah hubungan antara pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan?

1.4 Tujuan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mengesan hubungan antara pengetahuan Headcount dalam kalangan guru dengan strategi peningkatan akademik pelajar di sekolah kajian.

1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum Kajian:

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengesan hubungan antara pengetahuan Headcount dengan peningkatan prestasi dalam kalangan pelajar di sekolah kajian.

1.5.2 Objektif Khusus Kajian:

Kajian ini bertujuan untuk mencapai lapan objektif khusus berikut;

- i) Mengesan perbezaan tentang pengetahuan konsep Headcount berdasarkan kategori guru;
- ii) Mengesan perbezaan tentang keperluan Headcount berdasarkan kategori guru;

- iii) Mengesan perbezaan tentang pelaksanaan Headcount berdasarkan kategori guru;
- iv) Mengesan perbezaan pengetahuan tentang konsep Headcount berdasarkan tempoh masa bertugas guru-guru;
- v) Mengesan perbezaan pelaksanaan Headcount berdasarkan tempoh masa bertugas guru-guru;
- vi) Melihat hubungan antara pengetahuan guru-guru tentang Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan;
- vii) Melihat hubungan antara keperluan Headcount dengan strategi peningkatan akademik di sekolah;
- viii) Melihat hubungan antara pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan.

1.6 Hipotesis Penyelidikan

Hipotesis kajian merupakan saranan andaian penyelidik atau satu kenyataan sementara tentang hubungan antara dua pemboleh ubah atau lebih yang ingin diuji oleh penyelidik (Azhar Harun dan Nawi Abdullah (2004:33). Ini bermakna, hipotesis adalah ramalan atau jangkaan awal penyelidik yang mungkin betul atau tidak terhadap hasil penyelidikannya, tetapi dianggap betul sehingga terdapat bukti untuk menolaknya. Hipotesis akan dibuktikan melalui penyelidikan yang bakal dijalankan. Hipotesis yang baik mempunyai ciri-ciri berfokus, jelas, logik, difahami dan dapat diuji (Amir Hassan Dawi, 2002).

Berdasarkan objektif dan soalan kajian, lapan hipotesis telah dibentuk. Hipotesis bagi kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul (H_0), iaitu;

- 1.6.1 Ho1 = Tidak terdapat perbezaan tentang pengetahuan konsep Headcount berdasarkan kategori guru;
- 1.6.2 Ho2 = Tidak terdapat perbezaan tentang keperluan Headcount berdasarkan kategori guru;
- 1.6.3 Ho 3 = Tidak terdapat perbezaan tentang pelaksanaan Headcount berdasarkan kategori guru;
- 1.6.4 Ho 4 = Tidak terdapat perbezaan antara tempoh masa bertugas guru-guru dengan pengetahuan tentang konsep Headcount ;
- 1.6.5 Ho 5 = Tidak terdapat perbezaan antara tempoh masa bertugas guru-guru dengan pelaksanaan Headcount ;
- 1.6.6 H o6 = Tidak terdapat hubungan antara pengetahuan guru-guru tentang Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan;
- 1.6.7 H o7 = Tidak terdapat hubungan antara keperluan Headcount dengan strategi peningkatan akademik di sekolah;
- 1.6.8 H o8 = Tidak terdapat hubungan antara pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan akademik yang diamalkan.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Penelitian tentang teori yang berkaitan dengan konstruk-konstruk yang ingin dikaji dalam kajian dapat membantu pembinaan kerangka konseptual kajian yang hendak dijalankan.

Penelitian dalam kajian ini meliputi pemahaman guru-guru terhadap konstruk pengurusan dan pelaksanaan Headcount dan mengenal pasti hubungan antara pelaksanaan Headcount dengan strategi peningkatan prestasi pencapaian pelajar-pelajar PMR di sekolah kajian.